

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SELAKU YANG DI-PERTUA BAKTI
DI MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN BADMINTON
PIALA PUSINGAN PERDANA MENTERI 1997
DI KOTA KINABALU, SABAH
PADA HARI AHAD, 17 OGOS 1997
JAM 4.00 PETANG

Syukur Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya sahaja Kejohanan Badminton '97 ini dapat disempurnakan dengan jayanya sebentar tadi.

2. Bagi pihak semua Kontinjen yang menyertai Kejohanan ini dan bagi diri saya, saya ingin ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada tetamu-tetamu kehormat kita, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Sabah kerana dapat jua melapangkan masa untuk hadir dalammajlis terakhir ini.

3. Setelah berbulan bersiap sedia dalam pengurusannya dan pemain pun berlatih dengan bersungguh-sungguh, hari ini adalah kemuncak usaha-usaha pegawai-pegawai dan kontinjen-kontinjen. Oleh itu kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan tuan-tuan dan puan-puan pada petang ini adalah suatu hadiah istimewa bagi yang menang, yang kalah, yang menyokong dan bagi yang bertungkus-lumus di hadapan dan di belakang tirai. Kami ucapkan berbilang terima kasih.

4. Kejohanan Badminton ini adalah yang ke-12 sejak tahun 1985. Tahun demi setahun, Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Badan-badan Kebajikan Isteri-isteri dari negeri-negeri dan Persekutuan bermesyuarat untuk memperbaiki kejohanan Badminton ini. Segala masalah peraturan mengenai pemain dan cara bermain dibincangkan bersama. Keputusan akhir adalah dengan persetujuan ramai. Maka dengan ini, Majlis Kejohanan Badminton Piala Pusingan telah adakan buku peraturan yang perlu dipatuhi dengan betul.

5. Syukur Alhamdulillah, 13 negeri yang menyertai kejohanan ini dapat mengaturkan kontinjen masing-masing mengikut Buku Peraturan. Saya diberitahu bahawa semua kontinjen telah berlatih dengan bersungguh-sungguh menjemput jurulatih-jurulatih yang hebat-hebat belaka untuk memperbetulkan cara dan gaya main peserta-peserta. BAKTI mengakui menjemput Morten Frost tolong latihan pemain-pemain tetapi setelah mengintip cara BAKTI bermain Morten Frost cabut lari dan give-up kerana pemain-pemain BAKTI tidak boleh lagi di bentuk kerana sudah keras dan kaku dengan 'badhabits'!.

6. Perlawanan yang dikatakan 'persahabatan' antara negeri-negeri dilakukan sebagai ujian pasukan masing-masing. Ini amat digalakkan dan saya ucapkan syabas kepada Zon Utara, iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang mengaturkan perlawanan 4 segi, 3 segi dan 2 segi sepanjang 2 hingga 3 bulan yang lampau.

7. Begitu juga Zon Tengah yakni Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka yang berbuat sedemikian. Di negeri-negeri lain saya percaya mereka telah mengaturkan perlawanan dengan badan-badan badminton tempatan.

8. Dengan peraturan seperti ini, tidak hairanlah, pasukan-pasukan bagi tahun 1997 ini hebat-hebat belaka. Permainan bertambah baik dan dengan peraturan sistem ranking, perlawanan antara pasukan agar sama adil dan lebih menarik bagi penyokong dan penonton.

9. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan dari negeri yang menunjukkan kehebatan mereka dan membawa mereka ke peringkat johan.

10. Pasukan lawan, yakni Naib Johan Pasukai dari negeri perlu jug; dipuji kerana bersungguh-sungguh mempertahankan diri. Syabas dai tahniah kerana sampai ke tahap akhir.

11. Kepada pasukan-pasukan yang lain, saya ucapkan syabas kerana rela mencuba dan tidak berputus asa manakala tidak berjaya. Semangat ingin bertanding tanpa harapan mendapat sesuatu itu adalah dipuji.

12. Pada kali pertamanya, tuan rumah BAKISA telah menganjurkar pertandingan berjalan yang terbaik bagi kontinjen-kontinjen. Ini pun perlu latihan tetapi bukan mudah mengingati kaki mana yang patut dahulu apabila berjalan.

13. Namun, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan dari negeri kerana menang dalam pertandingan berjalan yang terbaik.

14. Saya ingin sampaikan penghargaan dan terima kasih semua kontinjen yang berada di sini kepada beberapa pihak yang mana tanpa kerjasama, pertolongan dan bimbingan mereka, kejohanan badminton ini tidak memperolehi kejayaan.

- a) kepada Yang Amat Berbahagia Datin Stella Yong, selaku tuan rumah, telah memenuhi hasrat majlis kejohanan ini untuk Sabah satu hari menjadi tuan rumah. Datin Stella Yong telah menawarkan negeri Sabah sebagai tuan rumah di Mesyuarat Ketua-Ketua Pasukan dan pengurusan di Kuala Terengganu tahun lalu. Atas segala persiapan yang cukup rapi dan layanan yang diaturkan, kami mengucapkan tahniah dan terima kasih.
- b) kepada Pegawai-pegawai Pengurusan Negeri Sabah yang mentadbirkan segala aturcara dan kemudahan untuk kontinjen-kontinjen yang begini ramai, saya ucapkan terima kasih.

- c) Tidak lupa Pegawai-Pegawai Teknikal yang menyalurkan kumpulan Penghakim dan Penjaga Barisan untuk menentukan permainan bermain dengan betul dan adil. Kepada mereka disampaikan terima kasih.
- d) Kejohanan ini terhutang budi kepada Kerajaan negeri Sabah atas sokongan dan galakan yang diberi kepada kami isteri pemimpin-pemimpin dari 13 negeri. Di sini kami berkumpul untuk bermesra melalui sukan badminton. Negeri Sabah ada banyak tarikan dan ramai antara peserta kontinjen ingin melancong di tempat-tempat yang menarik. Oleh itu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada YAB Ketua Menteri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah kerana mengaturkan segala persiapan, khususnya mengadakan jamuan negeri bagi kami malam ini.
- e) Sekali lagi bagi semua yang hadir saya rakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi semangat dan galakan kepada kita isteri-isteri dengan kehadiran beliau.

14. Tinggal 3 tahun lagi sebelum tahun 2000 menghampiri kita. Dan cuma 3 buah negeri sahaja yang belum menjadi tuan rumah Kejohanan Badminton Piala Pusingan ini.

15. Kedah di utara, Pahang di Pantai Timur dan Johor di Selatan Semenanjung diberi peluang memilih tahun yang mana untuk menjadi tuan rumah pada 1998, 1999 dan 2000. Pada tahun 2000, Kejohanan ini akan berusia 15 tahun.

16. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada:

- 1) **Pasukan** , **negeri**
 **kerana menjadi tuan rumah tahun**
 1998;

2) Pasukan, negeri
. untuk 1999; dan

3) Pasukan, negeri
. bagi tahun 2000.

17. Semoga kita dipelihara oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dipanjangkan umur dan mengurniakan keadaan sihat walafiat. Saya ucapkan selamat berangkat pulang ke negeri masing-masing dan insya-Allah, kita akan berjumpa lagi di negeri
